



Forensik alam sekitar

» Siasatan forensik menjadi **bukti penting** untuk menegakkan undang-undang

Muhd Yusuf Abu Bakar
muhdyusuf@bharian.com.my

↳ Gerik

Forensik alam sekitar. Bidang yang jarang diketahui umum, namun fungsinya sama dengan forensik polis atau bomba yang mencari punca kemalangan, kematian atau kebakaran.

Hasil siasatan forensik menjadi bukti penting untuk digunakan dalam menegakkan undang-undang.

Jika kes membabitkan pencemaran atau pelanggaran undang-undang alam sekitar, pasukan forensik alam sekitar akan menjalankan siasatan mengikut spesifikasi yang ditetapkan, hasilnya akan dikemukakan bagi membolehkan pesalah alam sekitar dikenakan tindakan undang-undang.

● Varsiti 13

Heret pesalah ke pengadilan

FAKTA NOMBOR

80 km

Jarak perjalanan Pos Kemar dari Sungai Siput

◉ Dari muka 1

Langkah Universiti Putra Malaysia (UPM) menubuhkan Pusat Kecemerlangan Forensik Alam Sekitar pada September 2008 tepat pada masanya bagi memastikan alam sekitar terus mapan.

Kejadian tumpahan minyak di kawasan pelabuhan, kegiatan pembalakan atau penebangan hutan secara haram dan pembuangan sisa toksik perlu ditangani dengan teliti termasuk mengheret mereka yang bertanggungjawab melakukan jenayah alam sekitar ke muka pengadilan.

Ketua Unit pusat berkeajaan, Dr Hafizan Juahir, berkata siasatan terperinci mengikut prosedur yang ditetapkan terhadap kes jenayah alam sekitar

memudahkan pihak berkuasa seperti Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Kimia menegakkan undang-undang.

Terlepas secara teknikal

“Kalau selama ini, penjenayah alam sekitar dapat melepaskan diri daripada tindakan undang-undang kerana masalah teknikal.

“Namun dengan siasatan forensik, segala maklumat, data akan dianalisis secara saintifik mengikut piawaian yang ditetapkan.

“Ini akan memudahkan usaha menghukum penjenayah alam sekitar jika mereka melanggar undang-undang,” katanya ketika ditemui Varsiti di Pos Kemar, Gerik, Perak, baru-baru ini.

Kembara 4x4

Dr Hafizan yang mengetuai Ekspedisi Saintifik Pacuan 4x4, Forensik Alam Sekitar berkata, bidang forensik alam sekitar masih baru di negara ini.

Namun, katanya, kerjasama semua pihak terutama UPM dengan agensi



Penolong Pegawai Sains Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Sujak Samad (kiri), memerhati kajian yang dijalankan pada Ekpedisi Saintifik Alam Sekitar Pacuan 4x4 ketika dalam perjalanan menuju ke Pos Kemar, Grik, Perak.

[NASHAIRI MOHD NAWI/ BH]

berkaitan, memudahkan penguatkuasaan undang-undang alam sekitar.

“Unit Forensik Alam Sekitar UPM akan melancarkan siasatan selepas mendapat aduan bagi mendapat maklumat yang jelas mengenai kes pencemaran yang diadukan.

“Sebagai contoh, selepas menerima aduan mengenai pencemaran akibat pembalakan, saya dan kumpulan penyelidik ke perkampungan Orang Asli di Pos Kemar yang hanya boleh dihubungi melalui laluan balak.

“Selepas dua hari me-

ngambil sampel air di beberapa sungai, didapati kawasan Pos Kemar bebas pencemaran dengan kualiti air sungai Kelas Satu. Namun, di kawasan hutan yang terbabit dengan kegiatan pembalakan, sungainya mengalami pencemaran akibat hakisan dan pemendapan tanah,” katanya.

Analisis data

Tinjauan mendapati, beberapa sungai di sepanjang perjalanan ke Pos Kemar sejauh 80 kilometer dari Sungai Siput diambil sampel tanah dan air sungai

untuk dianalisis.

Pada waktu malam, ketika di Pos Kemar, pembantu penyelidik melakukan analisis data mengikut prosedur ketat yang ditetapkan bagi mengelak sampel yang diambil tercemar di makmal bergerak yang dibawa ketika kajian dilakukan.

Dr Hafizan berkata, pasukannya akan membuat siasatan forensik di kawasan hutan Empangan Pedu, Kedah yang dibangunkan untuk kegiatan ekonomi, bagi memastikan tahap pencemarannya diketahui masyarakat.